

Tujuan Pameran Mini utk cari maklumbalas

TUJUAN utama Pameran Mini Majlis Seni Reka dan Sukan Tradisional (Massutra) ialah untuk mendapatkan maklumbalas daripada orang tempatan di samping menghidangkan apa yang terdaya oleh Massutra di peringkat permulaan itu.

Pameran itu akan ditujukan kepada orang-orang setempat terlebih dulu sebelum ia dapat disajikan untuk orang-orang luar negeri, itu pelancong-pelancong, jelas Encik Arif Haji Zahari.

"Barang-barang yang telah disenian di atas daya usaha mereka itu akan dipamerkan," Encik Arif berkata. **29 MAY 1985**

seniman di atas daya usaha mereka itu akan dipamerkan," Encik Arif berkata. **29 MAY 1985**

"Barang-barang itu mestilah lengkap dengan keterangan dan contohnya sekali untuk kemudahan-kemudahan para pengunjung."

"Dari pameran itulah nanti kami akan cuba mendapatkan maklumbalas dari orang ramai. Kami percaya mereka itu akan dapat menolong kami dengan memberikan pandangan-pandangan yang membina mengenai kekurangan atau kelebihan kami." **Foto: G.M.**

Saranan-saranan dan teguran-teguran yang membina daripada

mereka itulah nanti akan dijadikan landasan Massutra untuk memperbaiki kedudukan dan keupayaannya pada masa depan.

Bila dan di mana pameran itu akan dilangsungkan bagaimanapun, tidak dapat diterangkan buat semestara waktu ini.

Tetapi persiapan-persiapan ke arah itu sedang dilakukan bersama oleh semua yang terlibat. Ia juga akan dilaksanakan berdasarkan kertas kerja dari mereka yang ditugaskan untuk menyiapkannya.

Mereka diberi tempoh sehingga akhir tahun ini untuk menyiapkan semua kertas kerja itu, jelas Encik Arif lagi.

Pejabat sementara **29 MAY 1985** di rumah Hj Ya'acob

SEBAHAGIAN tempat di pekarangan rumah Presiden Massutra, Haji Ya'acob Mohamad, sedang dibahusui untuk dijadikan pejabat sementara Majlis itu. **Foto: G.M.**

Kerja-kerja ubahsuai itu telah pun dimulakan kira-kira tiga bulan lalu, kata Encik Arif Haji Zahari, Penolong Setiausaha Agung Urusetia Massutra.

Menurut Encik Arif, Haji Ya'acob telah memperkenankan tempat itu dijadikan pejabat sementara kerana Massutra masih belum mendapat tempat yang tetap untuk menjalankan kerja-kerja pentadbirannya. **MAS**
Perbelanjaan untuk

mendirikan pejabat itu tidak diketahui kerana kerja-kerja tersebut belum lagi selesai dan pihak kontraktor belum menyerahkan bilnya.

Bagaimanapun, apabila siap nanti, ada kemungkinan ia akan dilengkapskan dengan keperluan-keperluan pejabat seperti meja, kerusi, dan mesin taip.

Sama ada ia akan dipasangkan dengan alat hawadingin belum diketahui lagi.

Berita Harian juga difahamkan bahawa pembinaan pejabat sementara itu bertujuan mempersempatkan kerja-kerja Massutra supaya ia tidak terlalu terbengkalai.